

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 28/10/2007

Perginya Bapa Pembangunan Luar Bandar Johor

Oleh JAAFAR AHMAD

KETOKOHAN politik anak bekas pedagang beras di Muar, Othman Mohd. Saat menyerahterahkan apabila beliau menyertai UMNO pada 11 Mei 1946 untuk bersama-sama menentang penjajah British yang menguasai bumi Malaya ketika itu.

Sebagai anak muda yang bersemangat tinggi, beliau telah menggunakan segala kemudahan yang ada untuk bersama-sama para pemimpin UMNO membakar semangat orang-orang Melayu agar berjuang menyingsirkan penjajah melalui kekuatan parti.

Kesungguhannya dalam perjuangan itu membawa hasil apabila beliau menganggotai jawatankuasa UMNO pada 1952 dan seterusnya memenangi tanpa bertanding pilihan raya umum kerusi Jorak pada 1955.

Dilahir di Kampung Tengah, Muar pada 4 April 1927, sebelum menceburi politik, beliau pernah melanjutkan pelajaran di Mesyuarat sebaik sahaja menamatkan pengajian di Sekolah Tinggi Arab Madrasah Al-Attas di Johor Bahru.

Sekembalinya dari Timur Tengah pada usia 16 tahun, Allahyarham melibatkan diri dalam perniagaan bapanya sebagai pedagang beras untuk tempoh beberapa tahun.

Minat yang mendalam dalam politik telah mendorong anak muda itu menyertai Gerakan Nasionalisme Melayu yang bergerak aktif ketika era 40-an dan seterusnya UMNO setelah parti itu ditubuhkan.

Othman kemudian dilantik sebagai anggota Exco kerajaan Johor pada 1958 dan pada 1964 dengan memegang portfolio Perhubungan Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Sejak memegang portfolio itu, beliau telah

Sepanjang tempoh menjadi Menteri Besar selama tiga penggal, beliau telah melaksanakan pelbagai pembangunan untuk masyarakat luar bandar termasuk menyalurkan bekalan air paip dan elektrik di kampung-kampung

mulakan skim rumah kos rendah untuk golongan miskin terutama masyarakat Melayu yang ketinggalan jauh dalam arus pembangunan ketika itu.

Berkat ketokohan dan kepimpinannya, Othman dilantik sebagai Menteri Besar Johor yang ke-11 pada 1967 pada usia 43 tahun menggantikan Tan Sri Hassan Yunos.

Sepanjang tempoh menjadi Menteri Besar selama tiga penggal, beliau telah melaksanakan pelbagai pembangunan untuk masyarakat luar bandar termasuk menyalurkan bekalan air paip dan elektrik di kampung-kampung.

Bagi memberi peluang masyarakat bumiputera khususnya mereka yang tinggal di luar bandar memiliki hartanah, beliau telah membuka tanah-tanah baru menerusi Rancangan Tanah Felda dan Felra di seluruh Johor dan memindahkan mereka di situ.

Usahanya amat dihargai sehingga diberi gelaran 'Bapa Pembangunan Luar Bandar' di kalangan rakyat Johor terutama peneroka-peneroka Felda yang kini menikmati kehidupan yang amat selesa.

Ini diakui sendiri oleh Menteri Besar sekarang, Datuk Abdul Ghani Othman ketika menziarahi jenazah Allahyarham Othman di Hospital Sultan Ismail (HSI) di Johor Bahru semalam.

Beliau menyifatkan bekas Menteri Besar itu sebagai tokoh pembangunan luar bandar

dan Felda Johor.

Sementara itu, sebagai pemimpin politik, Othman selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor begitu dihormati dan disegani sama ada di kalangan ahli UMNO atau parti komponen Barisan Nasional (BN).

Allahyarham seorang tokoh pemimpin Johor yang berjaya mengukuhkan dan memantapkan parti di semua peringkat sama ada pada akar umbi atau bahagian-bahagian sehingga sukar digugat oleh pihak lawan.

Sebagai pemimpin yang berlatarbelakangkan pengajian agama, Othman berpegang teguh pada prinsip dan disiplin dalam semua perkara sehingga tidak pernah lewat untuk menghadiri sesuatu majlis perasmian.

Pernah suatu ketika, Othman tiba tepat pada waktu untuk merasmikan satu majlis di sebuah balai raya di pekan Ayer Hitam pada sekitar awal 80-an yang dijadualkan bermula pukul 9 pagi sedangkan penduduk kampung masih belum tiba.

Akibatnya, Othman bersama beberapa pemimpin politik dan pegawai kerajaan terpaksa menunggu hampir setengah jam untuk memulakan majlis tersebut.

Sebagai manusia biasa, bekas Menteri Besar itu juga merupakan peminat kereta mewah sehingga pada suatu ketika memiliki 50 jenis kereta, termasuk Ferrari, Alfa Romeo, Daimler dan Jaguар.

Um - 28/10/2007



OTHMAN Saat yang pernah diserang strok bersama ahli keluarganya.

- Gambar Bernama.

Bagaimanapun, ketika ini hanya mempunyai sebuah kereta Mercedes Benz 400 dengan bernombor plat kegemarannya, JDN 7.

Othman meletakkan jawatan Menteri Besar dan Pengerusi Badan Perhubungan pada 1982 selepas menghadapi masalah politik di bawah era kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam ketika itu.

Pada 1987, beliau menyertai parti Se-

mangat 46 yang ditubuhkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah untuk mencabar UMNO dalam pilihan raya umum 1990.

Bagaimanapun, beliau gagal dalam perjuangannya dalam Semangat 46 sehingga parti itu dibubarkan.

Allahyarham kemudian menghadapi masalah kesihatan dan pernah dua kali diserang angin ahmar ringan (strok) iaitu pada 2001 dan 2002.